

IIC tawar biasiswa RM9.4j

dua program IT automatik sambung pengajian di UIAM

KUALA LUMPUR: Graduan lulusan Diploma Sains Komputer dan Diploma Teknologi Maklumat dari Kolej Islam Antarabangsa (IIC) boleh menarik nafas lega apabila layak secara automatik menyambung pengajian di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang berkuata kuasa serta merta.

Ketua Pegawai Eksekutif IIC, Shamsul Kahar Haron berkata, UIAM sudah meluluskan pemindahan jam kredit bagi dua program peringkat diploma dari IIC untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah di universiti berkenaan.

"Buat masa ini, pemindahan jam kredit itu hanya membabitkan graduan bagi program Diploma Sains Komputer (DCS) dan Diploma Teknologi Maklumat (DIT).

"Kami berterima kasih kepada pengurusan tertinggi UIAM dan berita terbaharu ini pasti melegakan graduan bagi dua program berkenaan untuk meneruskan pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA),"

katanya. Beliau berkata, pengumuman terbaharu ini sekaligus meletakkan IIC antara kolej swasta terbaik di negara ini sehingga layak secara automatik beberapa program peringkat diploma untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah.

Dengan pengumuman terbaharu ini, graduan daripada program DCS dan DIT akan menyambung pengajian mereka untuk dua program ijazah di Kulliyah of Information and Communication Technology (KICT) UIAM.

Shamsul Kahar selanjutnya berkata, pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2015 perlu merebut peluang keemasan ini dan tidak perlu ragu-ragu untuk menyertai program diploma di IIC. Ini kerana pelajar yang memilih program DCS dan DIT, boleh membayangkan mereka sudah mendapat tempat di UIAM sebaik tamat peringkat diploma nanti.

"Bagi lepasan SPM 2015 yang gagal mendapat tempat di IPTA melalui



SHAMSUL KAHAR HARON,
Ketua Pegawai Eksekutif IIC

Unit Pusat Universiti (UPU), saya nasihatkan agar mereka tidak kecewa dan berputus asa, sebaliknya perlu mengambil peluang terbaik ini dengan mendaftar di IIC secepat mungkin.

"Disebabkan tempoh pengajian peringkat diploma dua tahun lapan bulan, mereka yang mendaftar awal berpeluang melanjutkan pengajian peringkat ijazah di UIAM juga lebih awal sebaik tamat pengajian peringkat diploma di IIC," katanya.

Untuk pendaftaran terbuka di IIC, pelajar boleh membuat pendaftaran untuk peringkat diploma pada 18 Julai hingga 23 Julai.

Sementara program peringkat ijazah dengan kerjasama Universiti Federation Australia, pendaftaran boleh dibuat pada 11 Julai hingga 16 Julai.

Shamsul Kahar berkata, untuk itu pelajar lepasan SPM 2015 yang gagal mendapat tempat ke IPTA boleh menjadikan IIC sebagai 'wadah terbaik' untuk kembali menyambung impian mereka di peringkat ijazah di UIAM.

Selain itu, IIC juga membuat 'kejutan besar' kepada pelajar yang membuat pendaftaran berpeluang mendapatkan biasiswa apabila IIC turut menyediakan peruntukan berjumlah RM9.4 juta sebagai sumbangan untuk membantu pelajar yang mendaftar di kolej ini sepanjang sesi 2016.

"Kita berbuat demikian atas respon kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang. Pemberian dalam bentuk biasiswa ini, setidak-tidak dapat membantu serta meringankan beban pelajar untuk terus menyambung pengajian di kolej ini," katanya.

Beliau berkata, disebabkan negara kita juga menerima tempas

daripada kegawatan ekonomi dunia, kami berpendapat sesuatu tindakan drastik perlu dibuat untuk sama-sama membantu kerajaan terutama dalam bidang pendidikan.

"Justeru itu, kami berpendapat dengan menyediakan sejumlah peruntukan besar dalam bentuk biasiswa kepada pelajar baru 2016 dapat meringankan beban terutamanya kepada keluarga yang berpendapatan sederhana dan rendah," katanya.

Shamsul berkata, pelajar baru yang mendaftar untuk sesi 2016 serta berkelakuan akan diberi perhargaan terperiinci berhubung tempa serta syarat untuk membolehkan mereka mendapatkan biasiswa yang disediakan.

"Biasiswa berjumlah RM9.4 juta itu hanya untuk pelajar yang menyambung pengajian dalam program diploma dan ijazah sarjana muda. Jadi, pelajar baru sesi 2016 perlu merebut peluang terbaik ini bagi menyambung pengajian di IIC.

"Ini kerana kami mengambil sikap 'siapa cepat dia dapat'. Hanya pelajar awal mendaftar di IIC berpeluang mendapat biasiswa berkenaan. Ini kerana pihak kami tidak bercadang menambah jumlah biasiswa yang sudah diputuskan untuk sesi 2016," katanya.

Sambutan Hari Raya rai 200 pelajar antarabangsa



PELAJAR antarabangsa diraikan pada Majlis Sambutan Syawal di Kampus Induk IIC baru-baru ini.

KUALA LUMPUR: Kolej Islam Antarabangsa (IIC) meraikan lebih 200 pelajar antarabangsa dalam satu Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di kampus induk IIC baru-baru ini.

IIC yang juga sebuah institusi milik penuh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menyediakan hidangan seperti ketupat, rendang, spaghetti, nasi beryani kambing dan pelbagai kuih ala Malaysia.

Majlis meraikan pelajar antarabangsa dalam suasana menyambut Syawal turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif IIC, Shamsul Kahar Haron, barisan pentadbiran IIC dan pelajar tempatan.

Shamsul Kahar berkata, konsep 'islamization of knowledge' atau pengislaman ilmu pengetahuan, sentiasa menjadi amalan dan dianjurkan agar warga IIC dapat menyeimbangkan ilmu duniawi dan ukhrawi.

"Konsep ini memang dituntut dalam kehidupan seharian, mengeratkan silaturahim dan berkesan antara satu sama lain, amat dititikberatkan di kalangan warga IIC dan pelajar," katanya pada majlis berkenaan.

Beliau juga percaya, majlis berkenaan sedikit sebanyak dapat mengubat rasa kerinduan pelajar

antarabangsa terhadap kampung halaman dan sekaligus dapat mengeratkan hubungan silaturahim dengan pengurusan IIC.

Sementara itu, Basiru Bash, 24, pelajar Diploma Pengajian Sains Islam Kontemporari dari Ghana berkata, walaupun sedih kerana tidak dapat beraya bersama keluarga, namun perasaannya sedikit terubat apabila dapat beraya dengan rakan-rakan lain dari pelbagai negara dalam majlis anjuran IIC.

Pelajar Diploma Seni Reka Grafik dari Afrika Timur, Ngingo Halima Salim, 19, pula berkata, Aidilfitri tahun ini adalah yang pertama dia menyambutnya dengan rakan-rakan sekampus.

Menurutnya, cara sambutan hari raya di Malaysia sebenarnya tiada perbezaan ketara dengan negeranya. Cuma sedikit perbezaan, di tempat kami solat Aidilfitri dibuat di tanah lapang sebaliknya di Malaysia dilakukan di masjid.

"Apa sekalipun, saya bagi pihak semua pelajar antarabangsa cukup gembira kerana pihak kolej begitu prihatin sehingga sanggup menganjurkan majlis sambutan syawal bagi meraikan kami di perantuan," katanya.

INTERNATIONAL ISLAMIC COLLEGE
الكلية الإسلامية
KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA
Milik Penuh & Anak Syarikat Universiti Islam Antarabangsa

Rebutlah peluang ini. Baki terkinilah biasiswa hanya tinggal RM5 juta.

PENDAFTERAN TERBUKA
 18 Julai-23 Julai 2016 (Diploma)
 11 Julai-16 Julai 2016 (Ijazah)

DAFTAR SEGERA!

KURSUS PERINGKAT IJAZAH

SARJANA MUDA (KEPUJIAN) PENGAJIAN AWAL KANAK-KANAK (Teesside University, UK) *KPM/JPS/N/143/6/0059/05/18 **MQA/PA2749
 SARJANA MUDA PERNIAGAAN (KEUSAHAWANAN) (Federation University, Australia) *KPM/JPS/N/360/0202/06/18 **MQA/PA2397
 SARJANA MUDA PERDAGANGAN (PERAKALANAN) (Federation University, Australia) *KPM/JPS/N/344/6/0177/08/18 **MQA/PA2399

KURSUS PERINGKAT DIPLOMA

DIPLOMA PERAKALAN *KPM/JPS/R/244/4/0354/01/20 **A11089
 DIPLOMA PENGURUSAN RISIKO *KPM/JPS/N/345/4/0338/08/18 **MQA/PA3669
 DIPLOMA PENTADBIRAN PERNIAGAAN *KPM/JPS/R/3736/08/16 **MQA/FA2238
 DIPLOMA PENGURUSAN PEMASARAN *KPM/JPS/N/342/4/0030/11/16 **MQA/FA0650
 DIPLOMA PENGURUSAN PENGUATKUASAAN *KPM/JPS/N/61/4/0006/08/19 **MQA/PA2586
 DIPLOMA KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM *KPM/JPS/N/343/4/0023/11/16 **MQA/FA0649
 DIPLOMA PENGURUSAN PEJABAT DAN KESETIAUSAHAAN *KPM/JPS/R/346/4/0012/02/18 **A8692
 DIPLOMA SAINS KOMPUTER *KPM/JPS/R/3737/08/16 **MQA/FA2240
 DIPLOMA SENI REKA GRAFIK *KPM/JPS/N/214/4/0061/05/18 **MQA/PA1898
 DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT *KPM/JPS/R/3720/08/16 **MQA/FA2238
 DIPLOMA MULTIMEDIA DENGAN ANIMASI *KPM/JPS/N/213/4/0047/11/16 **MQA/FA0651
 DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL ISLAM KANAK-KANAK *KPM/JPS/R/143/4/0094/02/20 **A11154
 DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM SAINS KONTEMPORARI *KPM/JPS/R/221/4/0056/05/18 **A8693

KURSUS PERINGKAT SIJIL

SIJIL BAHASA INGGERIS *KPM/JPS/N/224/3/0028/06/18 **MQA/FA2203
 SIJIL TEKNOLOGI MAKLUMAT *KPM/JPS/R/3719/08/18 **MQA/FA2223
 SIJIL PENTADBIRAN PERNIAGAAN *KPM/JPS/R/3720/08/18 **MQA/FA2224
 SIJIL PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK *KPM/JPS/N/143/3/0058/05/18 **MQA/PA2204
 SIJIL PENGURUSAN PENGUATKUASAAN *KPM/JPS/N/61/3/0006/05/18 **MQA/PA2205

KURSUS PERINGKAT ASASI

PENGAJIAN ASASI (SASTERA) *KPM/JPS/N/010/3/0156/06/18 **MQA/PA2856

Tel: (+603) 6187 6900 / (+603) 6185 6393
 Fax: (+603) 6188 8200
 (Ghazali: 011-13755592) (Azian: 011-13755593)
 (Zakry: 013-6464998) (Ira: 011-13755590)
 (Mursyid: 019-5220386)
 Facebook - Kolej Islam Antarabangsa - IIC
 Email: admission@iic.edu.my

TEMUI KAMI DI

KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA
 NO 1, JALAN 31/10A TAMAN BATU MUDA
 68100 BATU CAVES, KUALA LUMPUR, MALAYSIA
 Website: www.iic.edu.my